

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KAJIAN TERHADAP KEUNIKAN NYANYIAN
PERSEMBAHAN RAMBAN SECARA SPONTAN DI
KALANGAN KAUM IBAN DI SARAWAK**

ALMA JERRY SARAIE

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk
SARJANA MUDA SENI MUZIK KOMPOSISI (KEPUJIAN)

FAKULTI MUZIK

MEI 2007

PENGAKUAN

**“SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL KERJA SENDIRI
KECUALI NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-RINGKASAN
YANG TIAP-TIAP SATUNYA TELAH SAYA JELASKAN
SUMBERNYA”**

TARIKH: 18 MEI 2007

ALMA ANAK JERRY

2005497167

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan yang berkuasa kerana dengan kasihNya yang tidak pernah berkesudahan telah memberikan kekuatan, kesabaran dan ketenangan jiwa dalam menyempurnakan tesis ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan. Kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelbagai pihak yang telah membantu saya di dalam menyiapkan tesis ini

Sekalung penghargaan terimakasih kepada Profesor Madya Hajah Fakhariah Lokman selaku penasihat utama yang membantu memberikan sumbangan beserta buah fikiran kepada saya di dalam kajian ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Dr. Valerie Ross selaku Ketua program Sarjana Muda Muzik di Fakulti Muzik Uitm yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan pada saya bagi menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga para pensyarah fakulti Muzik Uitm dan juga kepada kakitangan-kakitangan dan pegawai PTAR Uitm, Pustaka Negeri Sarawak, Tun Jugah Foundation, Majlis adat Istiadat Negeri Sarawak, Muzium Negeri Sarawak dan Radio Televisyen Malaysia Sarawak yang telah banyak membantu saya melalui bahan-bahan bacaan seperti buku-buku, artikel, jurnal, audio dan tesis-tesis lalu untuk dibuat kajian,

Kepada kedua ibu bapa tersayang iaitu En. Jerry Saraie dan Puan Tida Ngalayang. Saya bersyukur dan berbangga kerana mempunyai ibu bapa yang begitu memahami dan menyokong minat saya di dalam bidang ini. Terimakasih di atas segala doa, dorongan serta semangat yang telah diberikan kepada saya untuk meneruskan lagi cabaran dan perjuangan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara Kamarulzaman Mohd Karim, saudara Amin Fikry Nawawi dan saudara Mohd Amin Hanafiah atas pertolongan yang tidak terbatas di sepanjang pengajian . Begitu juga rakan-rakan seperjuangan di Fakulti Seni Muzik Uitm yang banyak

ABSTRAK

Setiap kelompok masyarakat mempunyai identiti masing-masing di dalam memperkembangkan budaya dan cara hidup. Kesenian yang terdapat di dalam sesebuah bangsa merupakan harta yang tidak ternilai yang harus dikekalkan sepanjang zaman.

Tesis ini merupakan sumber inspirasi bagi penulis sebagai seorang gadis Iban yang mempunyai rasa ingin tahu tentang khazanah yang dimiliki oleh keturunan nenek moyangnya. Pendekatan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penggunaan ilmu formal yang dipelajari penulis untuk mempelajari muzik tradisi.

Di dalam kajian ini penulis telah mengkaji tentang keunikan yang terdapat di dalam persembahan Ramban. Keunikan ini dipengaruhi oleh sebuah faktor utama iaitu faktor bahasa. Penulis menekankan tentang kepentingan menguasai bahasa ibunda bagi mempelajari elemen tradisi.

Di sepanjang tesis ini, penulis telah mendapatkan pelbagai jenis sumber bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci

Penulis memilih kajian tentang Ramban kerana penulis percaya bahawa di samping berhibur, persembahan Ramban ini mampu untuk menasihati dan menegur pendengar. Apabila pendengar telah memahami mesej yang cuba disampaikan, maka akan terbentuk satu mentaliti yang baru dan sihat.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<i>TAJUK</i>	<i>i</i>
<i>PENGESAHAN</i>	<i>ii</i>
<i>PENGAKUAN</i>	<i>iii</i>
<i>PENGHARGAAN</i>	<i>iv</i>
<i>ABSTRAK</i>	<i>vi</i>
<i>ISI KANDUNGAN</i>	<i>vii</i>
<i>SENARAI GAMBARAJAH</i>	<i>x</i>
BAB 1	
1.0. PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Sejarah Sarawak	2
1.3 Latar Belakang kaum Iban	3
1.4 Permasalahan	4
1.5 Tujuan	6
1.6 Objektif Kajian	6
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Kaedah Kajian	7
1.9 Organisasi Bab	8
BAB 2	
2.0 BAHASA IBAN	9
2.1 Latar belakang bahasa Iban	9
2.1.1 Kepelbagaian di bahasa Iban	11
2.2 Fonetik bahasa Iban	11
2.2.1 Artikulasi Konsonan	13
2.2.2 Artikulasi vokal	15
2.3 Bunyi bahasa Iban	16
2.3.1 Penghasilan bunyi bahasa	17